



Kemala Indonesia

Pengajian Hadith di Masjid Malaysia

Mohd Amru bin Isa, Najah Nadiah Amran

Jabatan Al-quran dan Sunnah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia.
43600, UKM Bangi Campus, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
E-mail : mohdamruukm@yahoo.com; najah@ukm.edu.my

Abstrak – *Di Malaysia, pengajian hadis telah menjadi kebiasaan bagi masyarakat kajian ini iaitu untuk mengkaji isu dan masalah pengajian hadis di masjid Malaysia. Proses pengumpulan data adalah melalui data primer iaitu data yang diperoleh hasil daripada temu bual dan data sekunder iaitu data yang diperoleh daripada sumber dokumen, buku, artikel dan jurnal. Daripada penulisan yang telah dilakukan penulis dapat menyimpulkan bahawa pengajian hadith pada hakikatnya bermula pada zaman Rasulullah SAW. lagi sehingga disambung oleh generasi para sahabat seterusnya tabiin dan tabi' tabiin. Kajian ini juga menyentuh pengajian hadith yang berlangsung di Malaysia ia tertumpu kepada cabaran yang dihadapi oleh Negara Malaysia dalam menyampaikan sesbuah hadith, cabaran tersebut merangkumi pemeliharaan kesucian hadith dan menyekat penyebaran hadith palsu. Dalam pada itu institusi masjid berperanan sebagai pusat ibadat dan penyebaran dakwah. Pengajian hadith merupakan sebuah medium penyampain dakwah yang begitu penting kepada masyarakat untuk mewujudkan kefahaman dan pemeliharaan khazanah hadith serta kitab-kitab hadith. Dalam bab ini juga menyatakan kitab-kitab yang digunakan dalam pengajian hadith di masjid. Antara kitab yang digunakan oleh institusi masjid dalam menyebarkan dakwah adalah kitab Riyadhus Salihin, hadith 40 Imam al-Nawawi, Bulughul Maram, Bahrul Madhi dan Mastika Hadith. Disamping itu juga penulis membawakan tokoh-tokoh yang telah bergiat aktif dalam penyampaian pengajian hadith di masjid-masjid. Diantara ulamak tersebut seperti Maulana Tok Khurasan, Maulana Asri Abdul Hamid dan Dr Abdul Hayei Abdul Sukor, ketokohan mereka dalam menyampaikan dakwah dalam pengajian hadith tidak dinafikan bahkan mendapat sambutan yang agak baik oleh pengurusan masjid dan masyarakat. Kebiasaanya metod yang digunakan oleh penceramah atau tenaga pengajar di masjid-masjid hampir sama salah satunya adalah dengan membaca kitab hadith, pengajian hadith berbentuk tematik, tidak tertumpu kepada kitab iaitu mencakupi ilmu syariah akidah dan akhlak, dan penyampaian lebih kepada memberi kesedaran dalam agama Islam.*

Kata kunci : Pengajian Hadis; Pengajian di Masjid Malaysia.

I. Pendahuluan

Masjid berfungsi sebagai tempat ibadah untuk membina umat atau jemaah di sekitar masjid, Masjid juga berfungsi sebagai tempat pembinaan kegiatan umat yang mana perkembangannya dari semenjak zaman Rasulullah SAW sehingga masa kini. Sejarah telah membuktikan masjid mampu menjadi sebuah institusi yang amat penting dalam memperkembangkan Islam. Sesungguhnya hal ini telah direlaksikan oleh baginda Rasulullah SAW dengan menjadikan masjid sebagai pusat pembangunan secara menyeluruh. Memakmurkan Rumah Allah dengan amalan kebaikan dan ketakwaan pastinya mendapat ganjaran di sisi Allah. Dan Sesungguhnya yang layak memakmurkan masjid (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan solat, dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk. Selain dijadikan tempat beribadat, masjid menjadi pusat penyebaran ilmu pengetahuan, kebudayaan dan wadah penyatuhan dan penggerak

ummah melalui penyampaian ilmu dan maklumat yang berkesan seumpama khutbah, tazkirah, forum, ceramah, kelas-kelas pengajian dan sebagainya.

Sesungguhnya pengajian Hadith amat penting disebarluaskan dan diajarkan untuk dihayati seperti Al-Quran, maka dengan itu kajian ini dijalankan. Daripada kajian ini pihak tertentu dapat mengambil langkah positif kearah penyebaran pengajian hadith di masjid-masjid Kuala Lumpur. Dengan pengetahuan yang menyeluruh mengenai hadith diharapkan masyarakat Kuala Lumpur lebih memahami kepentingan Hadith dalam semua aspek kehidupan. Jemaah masjid di Kuala Lumpur dapat mengetahui dan menilai dengan sebaiknya mengenai Hadith Rasulullah SAW selanjutnya dapat membezakan di antara Hadith sahih dan mengelakkan daripada Hadith yang tidak sahih. Sehubungan dengan itu sebahagian dari para ulamak telah mengeluarkan fatwa tentang penggunaan hadith dhaif ini sebagaimana Menurut Al-Bukhari, Al-Muslim, Abu Bakar Ibnu Al-'Araby, Ibnu Hazm dan segenap pengikut Dawud Adz-Dzahiry: *kita tidak boleh mengamalkan hadith dhaif dalam bidang apapun juga walaupun untuk menerangkan fadha 'ilul a'mal, supaya masyarakat tidak mengitiqatkan sunnah Nabi Muhammad SAW yang sebenarnya yang tidak dikerjakan oleh Nabi Muhammad SAW atau belum tentu dikerjakan oleh Nabi Muhammad SAW yang boleh membawa akibat dan diancam oleh Nabi Muhammad SAW sebagaimana sabda beliau yang bermaksud:*

“Barangsiaapa menceritakan sesuatu hal daripadaku, padahal ia tahu bahawa hadith itu bukanlah dariku, maka orang itu termasuk golongan pendusta.” (HR. Muslim) “Barangsiaapa berdusta atas namaku dengan sengaja, maka hendaklah ia menyediakan tempat duduknya di neraka.”
(HR. Bukhari dan Muslim)

II. Metod Pengajian Hadith Di Masjid Malaysia

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Fauzi Deraman et al. (2010) Pengajian hadith di masjid-masjid pada keseluruhannya ada persamaan dan tidak banyak perbezaan dari segi metodnya, kitab yang diajar, pendekatan dan juga cara pengajiannya. Cara pengajian dan penyampaian dapat dilihat melalui lima bentuk berikut:

1. Membaca kitab hadith tertentu. Kebanyakan kitab yang dibaca adalah kitab-kitab hadith dalam Bahasa Melayu, seperti Bahr al-Madhi, Syarh Matn al-Arbain, Mastika hadith dan Riyad al-Salihin.
2. Selain daripada cara di atas terdapat juga pengajian hadith yang dilakukan secara tematik. Tajuk-tajuk yang ditumpukan dalam pengajian hadis ini ialah: hadith-hadith hukum, seperti kitab terjemahan Bulugh al-Maram, dan akidah, seperti kitab Empat Puluh hadith Peristiwa Akhir Zaman oleh Abu Ali Ahmad Fahmi bin Zamzam al-Banjari al-Nadwi.
3. Tidak terikat dengan kitab yang tertentu, tetapi dirujuk kepada banyak kitab hadith yang terkenal dengan penjelasan dan huraiyan yang luas mencakupi bidang syariah, akidah, tauhid, akhlak, kemasyarakatan, politik dan sebagainya. Penekanan yang diberi oleh guru pula lebih berdasarkan kepada pengkhususan, minat dan kitab-kitab hadith yang baik bagi mereka. Cara begini biasanya dilakukan di masjid-masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kerana sesuai dengan keadaan orang ramai di bandar yang umumnya mempunyai berbagai latar belakang disiplin pengajian.
4. Kaedah penyampaian, kebanyakan guru-guru yang mengajar hadith di masjid mengambil kira keadaan orang yang datang belajar. Oleh itu tenaga pengajar menerangkan dengan cara yang sesuai dan mudah difahami masyarakat setempat, terutamanya orang-orang kampung yang tidak berpelajaran tinggi.
5. Penyampaian lebih ditumpukan kepada memberikan kesedaran dan mengaitkan pengajian dengan isu semasa yang berlaku, tidak terburu-buru untuk menghabiskan silibus kitab hadis yang diajar, kerana pengajaran tidak terikat kepada masa yang tertentu untuk dihabiskan silibus yang diajar.

Pengajian hadith di masjid pada masa ini mendapat sambutan menggalakkan dari pelbagai lapisan masyarakat, terutamanya di bandar-bandar yang banyak terdapat pusat-pusat pengajian tinggi. Pada keseluruhannya pengajian hadith di dalam sistem halaqah ini masih lagi perlu diperbaiki dari segi kaedah penyampaian serta pendekatan-pendekatan yang sesuai dengan keadaan semasa dan taraf pemikiran pendengar yang hadir, terutama di bandar-bandar kerana kebanyakan yang hadir mempunyai latar belakang pendidikan yang tinggi. Bagi meningkatkan lagi mutu pengajian hadith, usaha-usaha perlu ditingkatkan bagi menggalakkan masyarakat mengikuti kelas pengajian hadith. Penceramah atau guru yang berkelayakan juga hendaklah disediakan secukupnya, begitu juga orang-orang yang berkelayakan dalam bidang hadith seharusnya tampil untuk menyampaikan pengajian hadith kepada masyarakat awam di masjid-masjid khususnya (Fauzi Deraman et al. 2010).

III. Persoalan Kajian

Adapun persoalan kajian yang dibincangkan ialah adakah kitab yang digunakan bersesuaian dengan tahap pemikiran pelajar yang terdiri dari pelbagai lapisan masyarakat dan berlainan latar belakang, kemudian, adakah kaedah pengajaran yang digunakan mampu menarik minat masyarakat untuk mengikuti kelas Hadith serta memberi kesan yang efektif dan bagaimanakah peranan masjid sendiri dalam menjalankan aktiviti keagamaan serta penglibatan masyarakat setempat samada cenderung atau tidak untuk hadir ke kelas pengajian seumpama itu.

IV. Hasil Kajian

Beberapa Hasil Kajian yang didapati dalam tulisan ini ialah

IV. 1. Zaman Rasul

Sejak daripada awal Nabi Muhammad SAW menekankan umat Islam supaya membudayakan ilmu pengetahuan sebagaimana firman Allah Taala Surah Al-Alaq: 96,1 :

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ۚ

Maksudnya:

Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk).

Semenjak lebih 1400 tahun yang lalu pengajian hadith telah pun berjalan yang mana Nabi Muhammad SAW merupakan tenaga pengajar yang utama dalam pengajian hadith, Nabi Muhammad SAW hanya mempunyai beberapa murid pada masa tersebut antaranya ialah khadijah Bt Khuwailid, Ali bin Abi Talib, Abu Bakar al-Siddiq dan Zayd Bin Harithah. Dengan itu kebanyakkan daripada murid-murid Nabi Muhammad SAW mempunyai ingatan yang kuat dan mereka amat memahami tentang prinsip-prinsip agama Islam. Pada peringkat pertama hadith tidak dibenarkan untuk ditulis kerana bimbang bercampur dengan Al-Quran, bagi menjaga hadith-hadith yang disampaikan oleh baginda maka diizinkan untuk mencatat hadith-hadith yang dinyatakan oleh baginda SAW (Mohd Army Yusop 2011).

IV. 2. Zaman Sahabat

Sesungguhnya kaedah yang digunakan oleh zaman sahabat tidak jauh bezanya dengan kaedah yang digunakan oleh Nabi Muhammad SAW dalam menyampaikan hadith. Selain daripada hafalan para sahabat menitikberatkan kepada penulisan dan dibukukan supaya umat yang akan datang dapat merujuk penulisan yang telah dibuat (Mohd Army Yusop 2011).

Setelah kewafatan Rasulullah SAW para sahabat mengembara ke negeri-negeri di bawah pemerintahan Islam untuk mendapatkan hadith dari sahabat lain yang mengajar di negara jajahan tersebut atau sebagai wakil khalifah di sana. Mereka berbuat sedemikian kerana ingin memastikan keaslian sesuatu hadith yang tidak didengarnya tetapi terdapat sahabat yang lain telah mendengar secara langsung dari Rasulullah SAW. Para sahabat amat berhati-hati dalam meriwayat dan menerima sesuatu hadith agar setiap kalimah yang keluar dari mulut mereka adalah sebagaimana yang diriwayatkan oleh Rasulullah SAW tanpa sebarang kesilapan dan kekeliruan. Antara langkah berhati-hati, Saidina Umar r.a. mengingkari banyak periyawatan hadith atau sebarang khabar tanpa disertai dengan saksi. Begitu juga yang dilakukan oleh Saidina Abu Bakr r.a, Zubayr r.a dan lain-lain sahabat. Mereka melakukan demikian sebagai langkah berhati-hati supaya tidak terjatuh dalam kesalahan dalam periyawatan (Muhibb Ajjaj Al-Khatib 1988).

Demikian itu gambaran secara ringkas berhubung pengajian hadith yang berlangsung daripada zaman Rasul hingga ke zaman sahabat yang mana metodologi yang digunakan dalam pengajian hadith kedua-dua zaman tersebut hampir sama.

IV. 3. Pengajian Hadith Di Malaysia

Pengajian hadith di Malaysia pada zaman kini merupakan hasil usaha yang dimainkan oleh para ulamak terdahulu dalam memahamkan masyarakat Islam tentang hadith-hadith Nabi Muhammad SAW. ramai tokoh-tokoh ulamak melayu dalam memperkembangkan pengajian hadith antaranya Tuan Guru Pak Cu Him, Haji Awang nusantara dan lain-lain. Kebanyakkan daripada tokoh demikian banyak memberi sumbangan dalam pengajaran hadith, kebanyakkan daripada mereka mengajar kitab hadith seperti Riyadhus salihin, sahih al-Bukhari, Bulughul Maram dan sahih Muslim. Apa yang menarik pengajian Hadith di dunia melayu ialah beberapa karya penulisan mereka masih dipelajari sehingga kini. Sebagai contoh kitab Bahrul Madhi yang dikarang oleh syeikh idris al-Marbawi yang mana kitab tersebut merupakan kitab jawi dalam bidang hadith yang masih dibaca dan dipelajari di tanah air (Fauzi Deraman et al. 2010).

Institusi masjid merupakan sebuah institusi yang terpenting dalam memperkembangkan pengajian hadith. Kebiasaannya pengajian hadith di masjid di Malaysia dijalankan selepas waktu maghrib dan waktu subuh. Namun tidak dinafikan bahawa ada juga masjid yang tidak menyediakan pengajian hadith di masjid ini disebabkan kurangnya tenaga pengajar yang berkelayakan yang mahir mengajar dalam bidang hadith. Kebanyakkan daripada masjid-masjid menyediakan pengajian kitab seperti Riyadhus salihin, hadith 40 Imam Nawawi, Bulughul Maram, dan Mastika hadith (Fauzi Deraman et al. 2010).

Fauzi Deraman et al. (2010) membuktikan bahawa dalam pengajian di masjid terdapat tokoh tanah melayu yang pakar dalam bidang hadith yang mengajar pengajian hadith di masjid, tokoh tersebut ialah Dr Abdul Haye Sukor yang mana beliau mengajar kitab hadith sahih al-Bukhari di Masjid Tun Abdul Aziz Petaling Jaya Selangor. Begitu juga Dr Asri Zainul Abidin pernah mengajar sahih al-Bukhari di sebuah masjid yang bernama Masjid Kampong

Melayu. Dalam penulisan kali ini kajian tertumpu kepada permasalahan dalam pengajian hadith yang terdapat di Malaysia, diantara permasalahan yang terdapat dalam pengajian hadith di Malaysia ialah:

1. Memelihara Kesucian Hadith

Penyebaran hadith yang bukan berstatus sahih dan penerapan cerita-cerita yang berunsur dongeng, khurafat, israilliyyat dan sebagainya telah menelusuri kehidupan masyarakat Islam, disebabkan hal tersebut penyebaran hadith Nabi Muhammad SAW terbantut dan usaha untuk melindungi hadith menjadi rumit ini kerana terdapat perkara yang menghalang usaha dalam memelihara kesucian hadith Nabi Muhammad SAW. unsur yang boleh menghalang usaha murni ini juga disebabkan oleh penulisan-penulisan, ceramah-ceramah dan karangan daripada kitab-kitab klasik yang tidak bertapis yang sesetengahnya bercampur aduk dengan perkara khurafat (Abdul Hayei Abdul Sukor 2006).

Kewujudan kitab-kitab lama menyebabkan kebanyakkan daripada masyarakat menerima apa sahaja yang dinyatakan dalam penulisan kitab tersebut, jika ini dibiarkan dan juga tidak ditangani masyarakat Islam menjadi masyarakat yang terpengaruh dengan perkara-perkara yang tidak sahih di sisi Islam dan jika ianya terus terbiar sama dengan terbiarnya kumpulan bukan Islam yang bertopengkan Islam menyerang hadith-hadith sahih dan menafikan kewujudan hadith sahih dalam kitab-kitab yang utama (Abdul Hayei Abdul Sukor 2006).

Disamping itu juga menurut Fauzi Deraman et al. (2010) terdapat pelbagai kitab-kitab jawi dalam bidang hadith yang diajar di masjid-masjid Malaysia, kewujudan hadith-hadith di dalam kitab jawi tersebut sesetengahnya ada yang tidak berautoriti justeru menjadi tanggungjawab tenaga pengajar supaya menjelaskan kepada masyarakat status dan darjat hadith-hadith tersebut supaya hadith-hadith tersebut tidak terus tersebar di kalangan masyarakat.

Menurut Abdul Hayei Abdul Sukor (2006) terdapat juga golongan dalam masyarakat Islam berani menolak hadith-hadith al-Bukhari dan menolak sebahagian besarnya hadith-hadith daripada kitab sunan, sedangkan golongan ini tidak mengetahui dan mempelajari disiplin ilmu hadith serta tidak mengetahui adanya hubungan dengan tradisi pengajian hadith yang ditinggalkan sekian lama.

2. Menyekat Penyebaran Hadith Palsu

Antara perkara yang berlaku dalam pengajian hadith adalah memalsukan hadith dan menyebarkan hadith palsu. Perkara ini perlu ditangani dengan penuh tanggungjawab iaitu melalui salah satu caranya ialah mengadakan halaqat pengajian hadith samada pengajian berbentuk formal ataupun tidak formal. Penyebaran hadith palsu sangat merbahaya kepada masyarakat Islam keadaanya boleh diumpamakan seperti kegiatan memalsukan wang, sesungguhnya memalsukan hadith lebih teruk dan lebih parah kerana memalsukan hadith masyarakat Islam boleh merosakkan agama dan akidah, berbanding dengan memalsukan wang hanya memusnahkan ekonomi dan Negara (Abdul Hayei Abdul Sukor 2006).

Nabi Muhammad SAW telah bersabda:

مَنْ كَذَبَ عَلَىٰ مُعْتَمِدًا فَإِيَّتَبَوَا مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ

Maksudnya: *Maka sesiapa yang berdusta ke atasku dengan sengaja, bersiap sedialah dengan tempat duduknya dalam neraka.*

Memalsukan hadith antara fenomena yang berlaku selepas kewafatan Rasulullah SAW, apabila manusia mula mengejar cita-cita keduniaan, tanpa mengira jalan yang ada di hadapannya, sama ada benar atau salah, atau kerana didorong oleh salah faham terhadap ajaran Islam, lalu mencampur adukkan antara sabda dan bukan sabda. Dengan wujudnya kelas pengajian hadith penyebaran hadith palsu atau mawdu' yang datang dari pelbagai aspek dapat dibendung sedikit demi sedikit. Dengan itu juga dalam mengiklankan bahan-bahan bacaan atau bahan-bahan kempen umat Islam sepatutnya tidak menggunakan hadith palsu bagi menjaga keaslian dan pemurniaan sesebuah hadith Nabi Muhammad SAW.

3. Peranan Masjid Dalam Pengajian Hadith

Masjid merupakan salah satu syiar atau lambang keagungan agama Islam semenjak dari zaman permulaan Islam sehingga pada masa kini. Sebagai sebuah institusi yang penting, masjid telah memainkan pelbagai peranan dan fungsi yang merangkumi tempat umat Islam berkumpul untuk menunaikan ibadat solat sehingga kepada perkara-perkara kemasyarakatan seperti pusat pengajian ilmu-ilmu agama, pusat ekonomi dan pusat masyarakat setempat. Masjid juga sebagai Markaz Ummah yang merupakan institusi terpenting dalam proses pembinaan insan. Sejarah mencatatkan bahawa pembinaan masjid di Quba' oleh Baginda Rasulullah SAW. bukan semata-mata terfokus untuk melaksanakan ibadah sahaja tetapi ia sebagai titik permulaan bagi menjana pendidikan umat manusia hingga melahirkan kecemerlangan tamadun (Kausar Niazi 1976).

Syekh Ali Muhammad Mukhtar (2003) membuktikan Di Malaysia, aktiviti masjid yang dijalankan adalah sebahagian daripada strategi pengimaranan masjid dengan tujuan untuk mendekatkan masyarakat dengan institusi tersebut. Lebih daripada itu, masjid dianggap sebagai tempat rasmi disamping tempat untuk menyampaikan mesej Islam ini disebabkan masjid merupakan tempat yang strategik untuk melaksanakan aktiviti dakwah. Peranan masjid sebagai satu daripada agen dakwah tidak dapat dinafikan dari segi kepentingannya. Namun, peranan dan fungsi masjid sebenar selain menjadi tempat beribadat masih dipersoalkan.

Menurut Sidi Gazalba (1971) Tugas dan tanggungjawab untuk mengembalikan peranan dan fungsi masjid seperti pada zaman Rasulullah SAW merupakan cabaran yang paling besar untuk difikirkan. Ini kerana, fungsi masjid telah mengecil dan menjadi semakin buruk selepas kejatuhan kebudayaan Islam apabila masyarakat ditanamkan satu bentuk tradisi seolah-olah masjid hanya tempat untuk beribadat semata-mata. Oleh sebab itu, masjid telah menjadi tempat eksklusif untuk ibadat khusus seperti sembahyang dan beristikaf di samping beberapa kegiatan yang lebih tertumpu kepada pengajian dan ceramah agama. Manakala, urusan masyarakat hampir tidak lagi melibatkan masjid selain daripada urusan berkaitan nikah kahwin, kematian dan seumpamanya.

Yusuf Al-Qaradhawi (1986) menyatakan Secara dasarnya pengisian atau mata pelajaran yang diajar dalam kelas agama di masjid-masjid adalah ilmu-ilmu Islam yang berasaskan al-Quran dan al-Sunnah. Ini kerana al-Quran al-Karim adalah sumber pertama bagi pengetahuan Islam. Oleh itu, semua ilmu agama yang lain seperti ilmu akidah, ibadat, akhlak dan adab serta perundangan wajib merujuk kepada asasnya yang utama iaitu al-Quran. Manakala Hadith merupakan penerangan dan penjelasan terperinci kepada al-Quran.

Berhubung dengan pengajian hadith sesungguhnya hadith merupakan sumber yang kedua selepas al-Quran dan merupakan pembentuk hala tuju dan corak dalam kehidupan umat Islam. Pengajian hadith dalam konteks di Malaysia seharusnya berjalan seiring dengan perkembangan pengajian al-Quran, tafsir, akidah, fiqh dan lain-lain ilmu. Kedua-dua bidang iaitu al-Quran dan hadith perlu diserasikan agar kefahaman masyarakat yang mengikuti kelas pengajian hadith dapat mengambil sesuatu hasil yang baik dan mantap sebagai satu benteng untuk menangani segala permasalahan yang bersangkutan dengan masyarakat.

Selain itu juga menurut Muhammad Umar Bazmul (t.t) Usaha untuk memberi kefahaman hadith yang tepat kepada masyarakat menjadi tanggungjawab dan kewajipan bersama, terutamanya bagi para ahli ilmu. Menyampaikan hadith di masjid melalui pelbagai metod semasa oleh seseorang pengajar hadith juga dilihat sebagai usaha untuk memberi kefahaman hadith kepada masyarakat. Pengajian ilmu berkitab merupakan medium pengajaran dan pembelajaran yang telah dipraktiskan oleh para ulamak dan ilmuwan Islam sejak sekian lama. Tradisi ini berkembang seiring dengan perkembangan pelbagai ilmu pengetahuan Islam yang asasnya bersumberkan wahyu.

Institusi masjid dilihat sebagai pusat utama dan elemen asas yang telah memainkan peranan penting terhadap perkembangan tradisi ini. Fenomena semasa memperlihatkan kesedaran dan minat masyarakat yang semakin mendalam terhadap pengajian-pengajian ilmu yang dilakukan di masjid-masjid serata negeri dan juga di negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur khususnya.

4. Kitab-Kitab Yang Digunakan Dalam Pengajian Hadith Di Masjid

Pengajian ilmu berkitab merupakan medium pengajaran dan pengajian yang telah dijalankan oleh para ulamak dan ilmuwan Islam sejak sekian lama. Tradisi ini berkembang seiring dengan perkembangan pelbagai ilmu pengetahuan Islam yang asasnya bersumberkan wahyu. Institusi masjid dilihat sebagai pusat utama dan elemen asas yang telah memainkan peranan penting terhadap perkembangan tradisi ini. Fenomena semasa memperlihatkan kesedaran dan minat masyarakat yang semakin mendalam terhadap pengajian-pengajian ilmu yang dilakukan di masjid-masjid. Dengan itu Perbincangan kali ini lebih tertumpu kepada kebiasaan kitab hadith yang digunakan oleh pengajar di masjid dalam pengajian yang dijalankan.

5. Riyad al-Salihiin

Kitab karangan Beliau ialah al-Shaykh al-Imam al-Alla:mat Muhyidin Abu Zakariyya Yahya bin Sharaf bin Muri bin Hasan bin Husain bin Hazam bin Muhammad bin Jum'at al-Nawawi al-Shafie Gelarannya Abu Zakariyya Mengikut tradisi masyarakat Arab sesiapa yang bernama Yahya akan dipanggil Abu Zakariyya dirujuk kepada Nabi Allah Yahya a.s. dan ayahnya Zakariyya Demikian juga dipanggil Abu Ya'qub kepada sesiapa yang bernama Yusuf dan beliau lebih dikenali sebagai al-Nawawi yang dinisbahkan kepada tempat kelahirannya iaitu di Nawa (Muhammad bin Ahmad 1359H).

Secara umumnya di dalam kitab Riyadhus Salihin terdapat 16 kitab, 334 bab. Imam Nawawi menyatakan bahawa di dalam buku ini, beliau mengumpulkan hadith-hadith mengenai akhirat, adab, akhlak, penyucian hati, dan perkara yang menuju ke arah kebaikan. Hadis tersebut ialah hadis yang jelas sahinya, adapun yang dhaif, beliau mengambil daripada kitab sahih yang mashyur. 5 Metodologi penulisan kitab ini ialah Imam Nawawi meletakkan ayat al-Quran bagi setiap permulaan bab dan menerangkan makna tertentu secara ringkas. Beliau turut menggunakan istilah mutaffaqun `alaih pada sesetengah akhir hadith (Al-Nawawi 2008).

6. Hadith 40 Imam al-Nawawi

Hadith 40 karangan asal al-Imam Yahya Ibn Syaraf Al-Nawawi ataupun lebih dikenal sebagai al-Imam Al-Nawawi, wafat pada tahun 676 hijrah. Kitab ini asalnya mengandungi 42 hadis (dinamakan hadith 40 setelah dibundarkan) dan kemudian ditambah lapan hadith lagi menjadi 50 hadith oleh Imam Ibnu Rajab al-Hanbali iaitu ulama yang hidup pada kurun ke-7. Ibnu Rajab melihat ada 8 hadith penting yang perlu ditambah untuk melengkapkan kitabnya yang berjudul Jamiul Ulum Wal Hikam.

Beberapa ulama-ulama hadith telah menilai hadith-hadith yang menetapkan kelebihan menyusun 40 hadith tersebut ada yang dhaif. Antaranya Imam al-Nawawi sendiri, Imam ad-Daruquthni yang hidup kurun ke 3 selepas

daripada Imam al-Bukhari, Imam al-Baihaqi yang mengatakan semua sanad hadis ini dhaif, Imam Ibn Asakir, Imam Abdul Qadir ar-Rahawi, dan termasuk juga Imam Ibnu Hajar al-Asqalani yang turut menilai dhaif kesemua hadis berkaitan kelebihan mengumpul 40 hadith namun Pun begitu berdasarkan ijithah serta istikhara dan pertimbangan lain, maka Imam Nawawi tetap menyusun kitab ini. Jumlah hadith yang dikumpulkan ialah 40, namun sebutan judulnya dibundarkan menjadi 40 sahaja.

Metodologi yang digunakan ialah Imam al-Nawawi mendatangkan matan hadith, kemudian mensyarahkannya dengan sokongan hadith atau ayat al-Quran yang dipilih oleh Imam al-Nawawi untuk dimuatkan dalam buku ini ialah hadith yang diriwayatkan daripada Imam al-Bukhari atau Imam Muslim. Uniknya, hadith-hadith tersebut merupakan hadith yang hampir dengan kehidupan masyarakat dan perkara-perkara asas bagi seorang muslim. Di akhir setiap syarahan hadith, beliau menyenaraikan isi-isi penting atau pengajaran yang boleh diambil daripada hadith tersebut. Oleh kerana itu, kitab ini mudah diterima oleh masyarakat (al-Nawawi 1989).

Sanad yang dikemukakan oleh Imam al-Nawawi dalam Hadith 40 tidak sepenuhnya seperti sanad yang terdapat dalam sahih al-Bukhari dan sahih Muslim tetapi yang lebih uniknya Imam al-Nawawi berbuat demikian kerana sanad yang terdapat dalam Hadith 40 berada dalam sahih al-Bukhari dan juga sahih Muslim ini menjadikan hadith yang terdapat dalam kitab hadith 40 Imam Nawawi secara tidak langsung menjadi sahih (al-Nawawi 1989).

7. Tokoh Penceramah Pengajian Hadith Di Masjid

Sumbangan para ulamak dalam memperkembangan hadith Nabi Muhammad SAW begitu tidak dinafikan sama sekali didalam memberi sumbangan dalam menyebarkan hadith-hadith kepada masyarakat. Sumbangan ulama Melayu dalam bidang pengajaran banyak memberi pengaruh dan kesan kepada perkembangan Islam di Nusantara. Disamping Penghasilan karya-karya hadith oleh ulamak nusantara ini dilihat sebagai sebuah usaha murni ulamak dalam memelihara sumber kedua syariat Islam iaitu hadith Rasulullah SAW. Demikian itu penulisan kali ini tertumpu kepada biodata dan sumbangan tokoh-tokoh ulamak melayu nusantara yang terpilih dalam memperkembangan pengajian hadith di masjid.

8. Maulana Tok Khurasan

Maulana Tok Khurasan dilahirkan di Pakistan iaitu di sebuah tempat yang bernama Bhafar sekitar tahun 1292H/1875M dan beliau berasal daripada Wilayah Khurasan di dalam republik Islam Iran kemudian beliau berhijrah ke Afghanistan sebagai usaha mengembara mencari ilmu pengetahuan. Beliau mendapat pendidikan awal dan lanjutan di Dar al-Ulum, Deoband India yang merupakan sebuah intitusi hadith yang ulung. Menurut Ismail (1988) pengembaraan Maulana Tok Khurasan dalam menuntut ilmu tidak dinafikan apabila beliau berpindah ke Shaharanpur, seterusnya ke Kanpur dan akhir sekali beliau menamatkan pengajian di Universiti Dar al-Ulum di Deoband.

Sepanjang Sembilan tahun pengajian beliau tidak pernah tidur siang manakala mata pelajaran yang diminati beliau adalah hadith, tafsir, falsafah, mantik, falak, balaghah dan fiqh Hanafi. Pengembaraan Maulana Tok Khurasan yang seterusnya adalah berhijrah ke Kelantan untuk mencari satu penghidupan yang lebih baik selain untuk menyebarkan ilmu pengetahuan yang dipelajarinya. Destinasi yang pertama pelabuhan Maulana Tok Khurasan adalah di tumpat dan kemudian ke Kota Bharu dan berkahwin dengan seorang yang bernama siti binti Othman sehingga mendapat cahaya mata. Beliau meninggal dunia pada tahun 1943 pada hari isnin dikebumikan di pusara Limau Manis, tanah perkuburan Islam Kampung Puteh (Ismail 1988).

Kehadiran Maulana Tok Khurasan dalam kalangan masyarakat Kelantan memberi impak yang baik dalam memperkembangkan dakwah Islamiah, kedatangan beliau ke tanah melayu memberi pembaharuan dan memperkayakan lagi khazanah ilmu khususnya dalam pengajian hadith. Pengajian hadith mula berkembang di kalangan ilmuan di dalam halaqat pengajian Maulana Tok Khurasan yang mana ia menumpukan kepada kedudukan hadith dan perundungan Islam, kehadiran beliau memperkenalkan kepada ilmuan dan masyarakat beberapa kitab-kitab hadith yang sebelum ini tidak dikenali oleh mereka, diantara kitab-kitab hadith yang diperkenalkan oleh beliau antaranya *Sahih al-Bukhari*, *Sahih Muslim*, *Sunan Abu Dawud*, *Sunan al-Nasai*, *Sunan Ibnu Majah*, *Sunan al-Tirmizi* dan *Muwatta Imam Malik* (Abdul Hayei Abdul Sukor 1988).

Pengajian kitab-kitab hadith di masjid besar Muhammadi bermula ketika Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dianggotai oleh beberapa ulamak yang pernah mengikuti pengajian hadith di dalam halaqat Maulana Tok Khurasan. Antaranya ialah Hj. Ahmad Maher bin Hj Ismail yang mengajar kitab *Mishkat al-Masabih*, Hj Asaad bin Hj Daud dan Hj Yaakub bin Hj Ahmad yang mengajar kitab *Sahih Al-Bukhari*, sesungguhnya kehadiran pengajian hadith yang dibawa oleh Maulana Tok Khurasan ini memberi struktur pengajian ilmiah Islam di Kota Bharu ketika itu kepada para ilmuan dan masyarakat tersebut (Abdul Hayei Abdul Sukor 1988).

V. Kesimpulan

Daripada penulisan yang telah dilakukan penulis dapat menyimpulkan bahawa pengajian hadith pada hakikatnya bermula pada zaman Rasulullah SAW. lagi sehingga disambung oleh generasi para sahabat seterusnya tabiin dan tabi' tabiin. Kajian ini juga menyentuh pengajian hadith yang berlangsung di Malaysia ia tertumpu kepada cabaran yang

dihadapi oleh Negara Malaysia dalam menyampaikan sesebuah hadith, cabaran tersebut merangkumi pemeliharaan kesucian hadith dan menyekat penyebaran hadith palsu.

Dalam pada itu institusi masjid berperanan sebagai pusat ibadat dan penyebaran dakwah. Pengajian hadith merupakan sebuah medium penyampaian dakwah yang begitu penting kepada masyarakat untuk mewujudkan kefahaman dan pemeliharaan khazanah hadith serta kitab-kitab hadith. Dalam bab ini juga menyatakan kitab-kitab yang digunakan dalam pengajian hadith di masjid. Antara kitab yang digunakan oleh institusi masjid dalam menyebarkan dakwah adalah kitab Riyadhus Salihin, hadith 40 Imam al-Nawawi, Bulughul Maram, Bahrul Madhi dan Mastika Hadith.

Disamping itu juga penulis membawakan tokoh-tokoh yang telah bergiat aktif dalam penyampaian pengajian hadith di masjid-masjid. Diantara ulamak tersebut seperti Maulana Tok Khurasan, Maulana Asri Abdul Hamid dan Dr Abdul Hayei Abdul Sukor, ketokohan mereka dalam menyampaikan dakwah dalam pengajian hadith tidak dinafikan bahkan mendapat sambutan yang agak baik oleh pengurusan masjid dan masyarakat. Kebiasaanya metod yang digunakan oleh penceramah atau tenaga pengajar di masjid-masjid hampir sama salah satunya adalah dengan membaca kitab hadith, pengajian hadith berbentuk tematik, tidak tertumpu kepada kitab iaitu mencakupi ilmu syariah akidah dan akhlak, dan penyampaian lebih kepada memberi kesedaran dalam agama Islam.

Rujukan

1. Al-Khatib, Muhd 'Ajjaj (1988), *al-Sunnah Qabl al-Tadwin*, Maktabah Umm al-Qura li Tiba'ah wa al-Nasyr.
2. Al-Bukhari, Sahih Al-Bukhari, darul ibnu kathir, damsyk Beirut.
3. Shaykh 'Ali Muhammad Mukhtar (2003), Penman Masjid Dalam Islam (terj. YADIM), cet. 2, Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
4. Kausar Niazi (1976), *The Role of Mosque in Islam*, Riyad: Darussalam, h. 10.
5. Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi (1998), *The Mosque as a Community Development Centre*, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, h. 128.
6. Sidi Gazalba (1971), Masjid Pusat Pembinaan Ummat, Djakarta: Pustaka Antara.
7. Muhammad bin Umar Bazmul, (t.t), 'Ilm Syarh al-Hadith wa Rawafid al-Bahth fihi. t.p.
8. Al-Qaradawi, Yusuf (1986), *Thaqqafah Al-Da'iyyah*, c. 8. Kaherah: Maktabah Wahbah.
9. Al-'Ahda, Muhammad bin 'Ahmad bin Abd al-Ba'ri: (1359 H), *Al-Kawa:kib al-Durriyyat cAla: al-Mutammimat al-'Ajru:miyyat*, j.1. Mesir : Mustafa: al-Ba:bi al-Halabi:
10. Imam Al-Nawawi (2008). *Matan Al-Arbain An-Nawawi* (text, translation and notes). Cet 3. Petaling Jaya : Islamic
11. Muhammad Idris Al-Marbawi (2008). *Bahru Al-Madzi Syarah Mukhtasar Shahih Al-Tirmizi*. Cet 2. Kuala Lumpur : Al-Hidayah Publication.
12. Al-'Asqalani, *Kitab Tahdzib Al-Tahdzib*, Juz I,(Libanon:Baerut, t.t), hlm.1
13. Al- Shan'any, *Subul Al-Salam*, Juz I, (Libanon, Beirut, t.t), hlm.1, Ensiklopedi Islam.
14. Ibnu hajar al-asqalani (2014), *Bulughul Maram*. Saudi: Darul Tauzi'.
15. Wan Ramizah binti Hasan (2000). *Sumbangan Sheikh Abdullah Basmeih dalam Bidang Tafsir: Kajian Khusus Terhadap kitab Tafsir Pimpinan Al-Rahman*, Tesis MA, University Malaya, Kuala Lumpur.
16. Jaafar Abdul Rahim (1979). *Tokoh Bulan Ini, Sheikh Abdullah Basmeih Pengarang Yang Tidak Pandai Menaip*, Majalah Dewan Siswa, Julai, hlm: 5.
17. Mohd Farid Ravi Abdullah. (t.t). *Syiekh Abdullah Basmeih bin Muhammad Basmeih: Kajian Terhadap Mastika Hadis*. Institute kajian hadis. Kolej University Islam Selangor.
18. Mohd Army Bin Yusof (2011). *Pengajian Hadith Di Madrasah Miftahul Ulum*, Sri Petaling, Kuala Lumpur. Tesis Ijazah Sarjana Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
19. Al-Khatib, Muhd 'Ajjaj (1988), *Al-Sunnah Qabl al-Tadwin*, Maktabah Umm al-Qura li Tiba'ah wa al-Nasyr.
20. Fauzi Deraman, Ishak Hj Sulaiman, Faisal Ahmad Shah (2010). *Pengajian hadith di Malaysia Tokoh-Karya-Institusi*. Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam: University Malaya, Kuala Lumpur.
21. Abdul Hayei Abdul Sukor (1988), *Sejarah Pengajian Hadith di Kota Bharu*. Kelantan: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
22. Ismail Che Daud (1988), *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu*. Kelantan: Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.